

Penguatkuasaan, denda berat perlu untuk lindungi alam sekitar pasca-PKP

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dilihat kurang berkesan dengan situasi semasa

KUALA LUMPUR: Selain berjaya mengawal penularan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa selama 50 hari turut membawa kebaikan dalam aspek kualiti alam sekitar khususnya udara dan air sungai yang didapati bertambah baik.

Pemberhentian operasi kebanyakan aktiviti industri ketika pelaksanaan PKP fasa satu hingga tiga menyumbang kepada keadaan tersebut.

Suasana itu boleh terus dinikmati dan dikekalkan walaupun setelah PKP berakhir jika undang-undang alam sekitar diperketatkan dengan penguatkuasaan yang lebih tegas, menurut pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Mohd Yusoff Ishak.

Katanya, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dilihat kurang berkesan dengan situasi semasa yang mendapati semakin banyak bahan cemar tidak dipantau di bawah akta berkenaan.

"Ini tidak dapat dielakkan memandangkan semakin

banyak barangan termasuk barangan pengguna seperti kosmetik generasi baharu yang digunakan masyarakat kini," katanya kepada Bernama.

Justeru, beliau berkata pelaksanaan undang-undang lebih ketat dapat dilakukan jika akta yang dikuatkuasakan pada 1975 itu ditambah baik dengan memasukkan syarat dan keperluan pematuhan lebih tegas.

Mohd Yusoff berkata kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) juga diperlukan bagi mengawal aktiviti melibatkan pembinaan dan gerai makan yang dilihat menjadi punca pencemaran sungai.

"Pihak PBT perlu memperketat syarat operasi aktiviti pembinaan terutama dalam mengawal pencemaran sedimen ke sungai, manakala aktiviti gerai makan juga perlu dipastikan tidak melepaskan air basuhan terus ke longkang dan seterusnya ke sungai," katanya.

Selain isu penguatkuasaan, beberapa kes perundangan berkaitan pencemaran alam sekitar serius yang masih

“ Pihak PBT perlu memperketat syarat operasi aktiviti pembinaan terutama dalam mengawal pencemaran sedimen ke sungai, manakala aktiviti gerai makan juga perlu dipastikan tidak melepaskan air basuhan terus ke longkang dan seterusnya ke sungai. ”

Dr Mohd Yusoff Ishak

Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Alam Sekitar, UPM

tertanggung juga tidak menimbulkan rasa gerun kepada penjenayah alam sekitar.

"Beban bagi membuktikan kes pula semakin sukar apabila melibatkan bahan cemar generasi baharu.

"Oleh itu, kaedah forensik alam sekitar semakin diperlukan dengan sokongan peralatan yang lebih canggih dan tenaga pakar alam sekitar daripada universiti," katanya.

Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam Universiti Malaysia Pahang (UMP) Dr Nurul

Nadrah Aqilah Tukimat pula berkata untuk memastikan kualiti udara berada pada tahap baik pasca-PKP, sumber yang menyumbang kepada pencemaran seperti asap kenderaan, perindustrian dan kerja pembinaan perlu dikawal.

Menurut beliau, langkah drastik perlu diambil oleh kerajaan seperti mengehadkan aktiviti penerokaan tanah dan pembalakan bagi mengekalkan kualiti udara yang bersih.

"Pelbagai usaha dan dasar telah digubal oleh kerajaan

sebelum ini dalam memastikan tahap dan kesan gas rumah hijau di bawah paras kawalan dan ia adalah cukup baik.

"Bagaimanapun, jika penguatkuasaan dan pelaksanaan lemah, maka objektif dasar tidak dapat didokong. Dalam keadaan ini, semua pihak perlu beri kerjasama dan memainkan peranan masing-masing," katanya.

Nurul Nadrah Aqilah berkata selari dengan amalan 'kebiasaan baharu', orang awam perlu menerapkannormal baharu tersebut dalam menjaga dan mengawal alam sekitar.

"Aktiviti seperti membuang sisa terus ke sungai, membuang sampah merata-rata, penerokaan tanah tanpa kawalan, membuat penebangan hutan dan pembakaran sampah secara terbuka yang sebelum ini dianggap perkara biasa perlu ditukar.

"Ia akan menjadi ikutan dan kebiasaan baharu kepada generasi akan datang. Langkah permulaan untuk kejayaan berpanjangan," menurutnya. — Bernama